

PERSEMBAHAN TRADISIONAL MEK MULUNG DI MALAYSIA: PERUBAHAN STRUKTUR PERSEMBAHAN

*(MEK MULUNG TRADITIONAL PERFORMANCES IN
MALAYSIA: PRESENTATION STRUCTURAL CHANGE)*

Zamzuriah Zahari
Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff
Pusat kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Email: zamzuriah@aswara.edu.my
yuszaidy@ukm.edu.my

(Dihantar: 3 Ogos 2020; Diterima: 7 Oktober 2020)

Abstrak

Penulisan ini mengenai persembahan Mek Mulung yang perlu melakukan perubahan. Keperluan ini amat perlu untuk memastikan persembahan Mek Mulung terus kelangsungan dalam dunia hiburan moden. Persembahan Mek Mulung pada peringkat awal amat berkaitan dengan elemen tradisional. Perubahan masa, keperluan, teknologi dan permintaan dari luar telah memerlukan persembahan Mek Mulung melakukan perubahan sejajar dengan perubahan itu. Perubahan persembahan Mek Mulung merujuk pada struktur persembahan supaya persembahan itu dapat diteruskan dan relevan dunia hiburan kini. Namun begitu, perubahan itu tidak menjejaskan keaslian persembahan Mek Mulung. Oleh itu, objektif kajian ini untuk mengenal pasti perubahan pada struktur persembahan Mek Mulung. Proses penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menggunakan kajian lapangan dan perpustakaan. Penyelidikan kajian lapangan telah dijalankan di Kampung Wang Tepus, Kedah dari tahun 2009 hingga tahun 2019. Kajian lapangan ini mengaplikasi kaedah pemerhatian, ikut serta dan temubual. Begitu juga, kajian

permerhatian dan ikut serta ini dilakukan ke atas individu yang berautoriti dalam persembahan Mek Mulung. Kaedah ini didapati sesuai untuk memperolehi data-data primer. Manakala, kaedah temubual secara berfokus digunakan terhadap individu-individu yang terbabit dalam persembahan Mek Mulung. Selain itu, kajian perpustakaan turut menyokong data-data sekunder. Dapatan kajian mendapati beberapa struktur persembahan telah mengalami perubahan. Hasil kajian membuktikan perubahan pada struktur persembahan telah membolehkan pengiat menerima dan mengadakan persembahan Mek Mulung di luar daerah. Justeru, sumbangan ini dapat memberi maklumat yang baharu kepada kosa bidang ilmu pengetahuan mengenai persembahan kesenian tradisional dan memberi idea kepada para pengamal dan pengiat generasi muda kini mengenai persembahan Mek Mulung.

Kata kunci: Mek Mulung, Perubahan, Persembahan, Struktur, Kampung Wang Tepus

Abstract

This writing is about Mek Mulung's performance who has to make a change. This is most essential so as to ensure Mek Mulung prevails in the modern entertainment world. Mek Mulung in its early stages is very related to a traditional element. Change of time, needs, technology, and outside demands has called for modification in Mek Mulung to stay in line with the current changes. Mek Mulung's change refers to structure of performance so that it can carry on and remain relevant in today's entertainment world. However, the change does not affect the Mek Mulung originality of presentation. Therefore, the objective of this study is to identify the change in structure of Mek Mulung. The process this research involves using a qualitative approach which uses field research and library. Field research, research had been undertaken at Kampung Wang Tepus, Kedah from year 2009 to the year 2019. This field research applies the observation method, participation and interviews. Likewise, observation and participation were done on individuals who are authoritative in Mek Mulung. This method was found to be suitable in collecting primary data. Meanwhile, the focused interview method was applied on individuals who were involved in Mek Mulung. Apart from that, the study also supported secondary library data. Retrieval study had found that some structure of performance had undergone modification. Survey results prove that change in structure has enabled enthusiasts to accept Mek Mulung and have it performed outside the district. Thus, this contribution was able to give new information to the case field of knowledge on traditional arts performance and give ideas to practitioners and younger generation of enthusiasts alike on Mek Mulung.

Keywords: Mek Mulung, Change, Presentation, Structure, Kampung Wang Tepus

1.0 Pengenalan

Kehidupan masyarakat Melayu amat berkaitan dengan alam persekitaran. Elemen-elemen yang terkandung dalam alam persekitaran banyak mempengaruhi kehidupan seharian sehingga membentuk keperibadian mereka. Mereka melihat alam sebagai sumber pengetahuan untuk mereka mempelajari dan menghasilkan pemikiran dalam usaha kelangsungan kehidupan (Rais Yatim 2015). Mereka percaya pada semangat yang berada disekeliling kehidupan sehingga perlu melakukan aktiviti upacara ritual (Zainal Abidin Borhan 1996) & (Muhammad Saiful Haq, Noorhanisah & Puteri Roslina 2013). Aktiviti itu bertujuan untuk mengharmonikan dan mendamaikan semangat supaya bagi menjayakan upacara ritual dan tidak mengganggu penonton yang hadir dalam persembahan nanti. Oleh itu, banyak persembahan masyarakat Melayu berkaitan dengan ritual seperti Mek Mulung, Mak Yong, Boria dan Wayang Kulit. Penulisan ini akan memberi tumpuan kepada persembahan Mek Mulung yang merupakan tradisi persembahan masyarakat Melayu Kedah.

Mek Mulung merupakan persembahan tradisional yang mempunyai hubungan dengan ritual. Mereka akan mengadakan upacara ritual sebelum mengadakan persembahan Mek Mulung. Namun perubahan masa dan keperluan persembahan itu, upacara ritual hanya dilakukan pada bahagian buka panggung sahaja. Perubahan terhadap persembahan Mek Mulung amat penting selari dengan perubahan yang berlaku pada masa kini. Bagi memastikan persembahan Mek Mulung sentiasa menerima persembahan luar dan relevan dengan keadaan semasa, perubahan struktur perlu dilakukan ke atasnya. Oleh itu, perubahan pada struktur persembahan Mek Mulung telah mengubah persembahan bersifat tradisional kepada bentuk

komersial dan hiburan. Penulisan ini akan memberi tumpuan kepada perubahan struktur persembahan Mek Mulung dalam usaha persembahan ini terus berdaya saing bersama-sama dengan persembahan tradisional yang lain.

2.0 Kajian lepas

Kajian mengenai persembahan tradisoinal Mek Mulung amat kurang berbanding dengan persembahan seni Makyong, Wayang Kulit Siam dan Ulek Mayang. Kajian Mek Mulung yang ditemui sering dibincangkan dan dinyatakan secara umum bersama dengan persembahan seni tradisional yang lain. Namun begitu, terdapat juga beberapa kajian lepas mengenai persembahan Mek Mulung yang dilakukan daripada pelbagai perspektif.

Mohd Ghazali (1995) dan Mohamed Ghouse (2003), menyentuh latar belakang dan perkembangan secara ringkas mengenai setiap aspek persembahan yang terdapat dalam teater tradisional seperti Mak Yong, Hamdolok, Wayang Kulit, Dikir Barat, Jikey dan termasuklah tentang Mek Mulung. Ghulam-Sarwar (1974) melihat keadaan semasa dan perubahan yang berliku ke atas Mek Mulung. Mohammad Lufti (2012) melakukan usaha mendokumentasi persembahan Mek Mulung daripada pelbagai perspektif berhubungan kelestarian persembahan Mek Mulung. Toh Lai Chee (2004) menjelaskan mengenai gerak tari dan penceritaan yang terdapat pada persembahan Mek Mulung. Manakala, Matusky & Tan Sooi Beng (1997) pula menerangkan mengenai aspek muzik dan penggunaan alat muzik dalam persembahan Mek Mulung.

Kajian-kajian yang terdahulu tidak ada merujuk pada perspektif perubahan pada struktur persembahan Mek Mulung. Kajian pada struktur persembahan ini diharap dapat memberi sokongan dan mengangkat persembahan seni Mek Mulung ke tempat sewajarnya.

3.0 Persembahan Mek Mulung

Masyarakat kampung mempunyai masa rehat atau lapang panjang diwaktu petang sehingga waktu malam. Mereka mengisi masa itu dengan pelbagai permainan dan persembahan bergantung kepada keperluan yang menjadi permintaan waktu itu (Anwar Omar Din 2008). Golongan kanak-kanak dan remaja, mereka akan berkumpul bersama dalam kumpulan yang besar di kawasan lapang atau kawasan terbuka untuk melakukan permainan seperti layang-layang, gasing, guli, tarik upih dan galah panjang (Salleh Mohd. Akib 2009) & (Abu Taib 2012). Mereka menggunakan masa itu sebaik mungkin pada waktu siang sebelum turut serta dalam permainan atau persembahan yang membabitkan golongan dewasa seperti persembahan wayang kulit, dikir barat, Mak Yong dan Mek Mulung (Ghulam Sarwar 2006) & (Hood Salleh 2006). Pada waktu malam ini, banyak persembahan diadakan dalam masyarakat terutamanya membabitkan upacara ritual perubatan. Proses perubatan dalam masyarakat Melayu di utara dan timur semenanjung sering menggunakan persembahan tradisional sebagai alat perubatan dalam usaha untuk memulihkan penyakit disebabkan gangguan semangat atau terlanggar pantang larang (Aida Nurul Ain & Mohammad Nazzri 2017).

Begitu juga, masyarakat Melayu di Kedah yang mendiami di kawasan pendalaman, mereka melakukan upacara ritual bersama dengan persembahan Mek Mulung (Mohammad Lufti 2012). Persembahan Mek Mulung ini memerlukan satu proses ritual sebelum diadakan persembahan pada keesokkannya. Proses upacara buka panggung diadakan untuk mengimbangi kuasa semangat dan makhluk halus berada dalam keadaan tenteram dan seimbang (Sheppard 1983) & (Salleh Embut 2009). Pada upacara ritual itu juga akan berlangsungnya, pengasapan kepada semua alat muzik yang akan digunakan dalam persembahan itu. Dalam upacara ritual itu juga akan disediakan beberapa jenis sajian seperti beras kuning, bertih jagung, kuih muih dan telur (Mohammad Lufti 2012). Mereka percaya dengan mengadakan upacara ritual itu, persembahan Mek Mulung akan berlangsung dengan lancar seperti yang mereka diharapkan.

Persembahan mek Mulung tidak memerlukan kelengkapan peralatan persembahan yang banyak. Persembahan ini diadakan kawasan lapang atau halaman rumah dengan mendirikan bangsal yang merupakan tempat persembahan. Pembinaan bangsal juga berkaitan dengan kepercayaan mereka terhadap persembahan ini mempunyai kaitan dengan alam dan ritual (Salleh Embut 2009) & (Toh Lai Chee 2004). Bangsal itu akan dihiasi dengan lilitan kertas pelbagai warna dan corak. Pada bahagian bumbung akan digantung dengan bung-bunga warna warni yang dihasilkan menggunakan kertas dan daun kelapa (Hood Salleh 2006). Bangsal ini dibina dalam keadaan bersifat terbuka dan bahagian lantai ditutup dengan menggunakan tikar mengkuang. Bahagian dinding bangsal tidak ditutup supaya penonton dapat melihat daripada pelbagai sudut (Ghulam-Sarwar 1993). Bagi mereka

pembinaan bangsal itu tidak ada yang perlu dipatuhi, ia bergantung sesuai tempat dan jumlah yang turut tersedia dalam persembahan.

Persembahan Mek Mulung ini terdiri daripada dua elemen iaitu cerita dan tarian. Elemen cerita mek Mulung banyak bersifat cerita- cerita rakyat tempatan yang berlaku dalam lingkungan masyarakat pada masa sebelum itu (Toh Lai Chee 2004) & (Zamzuriyah 2019). Cerita-cerita rakyat ini yang menjadi daya tarikan masyarakat setempat datang untuk mendengar dan menonton persembahan Mek Mulung. Cerita-cerita rakyat yang bertemakan cerita hikayat yang sering dibawa yang bertemakan latar istana, anak raja dan putra dan puteri raja. Menurut Ahmad Shahadan (2018), beliau menyatakan terdapat 12 cerita yang dipersembahkan dalam persembahan itu. Daripada itu, beliau hanya ingat 5 buah cerita sahaja iaitu Cahaya Bulan, Malim Bongsu, Dewa Muda dan Dewa Kaca, Hikayat Puteri 12. Elemen tarian dalam persembahan Mek Mulung bertindak sebagai pelengkap dan penting bagi menjayakan persembahan Mek Mulung. Tarian merupakan sebahagian elemen penting dalam persembahan. Setiap lagu yang dinyanyikan akan diiringi dengan gerak tari. Fungsi tari ini juga bergantung pada lagu yang dimainkan mengikut urutan adegan dan babak. Kebanyakan gerak tari dalam Mek Mulung menggunakan konsep lingkaran atau bulatan (Toh Lai Chee 2004) & (Khairul Hisham 2012). Fungsi setiap lagu bergantung pada adegan dan babak. Persembahan akan bermula dengan Lagu Bertabuh dan akan berakhir dengan Lagu Bayan Guru.

Persembahan Mek Mulung menggunakan pelbagai alat muzik tradisional. Alat muzik serunai merupakan alat muzik yang penting dalam persembahan Mek Mulung. Alat muzik ini menghasilkan bunyian yang bertindak sebagai alunan melodi dan

dimainkan secara instrumental di bahagian prolog dan cerita dalam persembahan itu (Matusky & Sooi Beng 1997). Begitu juga, alat muzik gendang dua muka digunakan dalam persembahan ini adalah yang sangat penting kerana bunyian bertelingkah antara gendang ibu dan gendang anak menghasilkan irama rentak. Bunyi timbre gendang yang menjadi penentu tanda mula lagu atau perubahan lagu. Setiap gendang mempunyai dua muka kulit yang dipasangkan baloh dan belulang ini dicengkangkan dengan siratan rotan (Ku Zam Zam Ku Idris, 1983) & (Ghulam-Sarwar 1993). Selain itu, alat muzik yang digunakan dalam persembahan Mek Mulung iaitu alat muzik gong berfungsi sebagai penanda masa dan digunakan untuk menandakan struktur kolotomik lagu dan nyanyian serta instrumental sepanjang prolog dan cerita. Manakala, alat muzik Mong pula dipukul di permukaan yang rata. Mong berfungsi sebagai alat penanda masa sekunder dan dimainkan dalam pusingan jangka masa metrik tetap dalam struktur kolotomik sebuah lagu. Begitu juga, alat muzik kecerek adalah pasangan buluh yang diketuk atau dipukul bersama. Bunyi dihasilkan apabila kedua-dua batang kecerek dipukul bersama secara serentak. Kecerek berfungsi sebagai alat penanda masa sekunder dan dimainkan secara pusingan dalam jangka masa metrik yang tetap dalam struktur kolotomik sebuah lagu (Mohamed Ghouse 2003).

Namun begitu, persembahan Mek Mulung juga disokong dengan beberapa prop yang menjadi kemestian perlu ada dalam persembahan ini. Persembahan ini tidak memerlukan kos kewangan yang tinggi sekadar menghasilkan prop yang diperolehi dipersekitaran mereka sahaja. Oleh itu, setiap prop mempunyai peranan yang tersendiri dalam persembahan Mek Mulung. Prop yang perlu ada dalam persembahan ini seperti topeng, rotan, golok dan tongkat (Rahmah 2007) &

(Zamzuriyah 2019). Penggunaan topeng dalam persembahan ini berdasarkan kepada watak-watak yang dipengang oleh pendukung watak. Topeng warna merah dipakai oleh watak utama iaitu watak Awang. Begitu juga, topeng Tok Wak dipakai oleh pendukung watak Wak Nujum. Manakala, penggunaan prop rotan yang dikenali sebagai rotan ketujuh merupakan alat yang penting yang dipegang oleh raja dan berfungsi pelbagai guna berdasarkan kepada cerita seperti senjata tikaman dan anak panah (Toh Lai Chee 2004) & (Ghulam-Sarwar 1993). Peralatan prop yang lain iaitu golok kayu yang mempunyai pelbagai fungsi seperti roton ketujuh. Penggunaan prop ini untuk menggambarkan alat senjata, kegunaan harian dan penting menjadi payung kepada watak utama apabila diangkat ke atas kepada raja.

Persembahan Mek Mulung juga mempunyai pemakaian busana berdasarkan kepada watak-watak dalam persembahan itu. Pemakaian busana ini untuk menggambarkan watak-watak seperti raja, puteri dan orang kebanyakan. Warna busana untuk watak raja dan puteri berwarna kuning dengan hiasan motifnya, penggunaan warna ini untuk melambang sikap dan perwatakan seorang raja atau puteri (Mohammad Lufti 2012) & (Siti Zainon 2009). Begitu juga, penggunaan warna merah dipakai oleh watak jahat atau garang dalam persembahan itu. Busana yang dipakai oleh watak raja iaitu terdiri daripada pakaian lengkap sepasang baju melayu, berkain sampin yang berikat bengkung, kain siba yang diikat silang dari bahu ke pinggang dan bertengkolok. Manakala, busana yang dipakai oleh watak puteri memakaikan sepersalinan baju kebaya yang cantik dengan kain siba dibahu atau berselendang panjang. Bagi watak awang dan inang pula mereka akan memakai baju harian mereka. (Salleh Embut 2019) & (Ahmad Shahadan, 2010).

4.0 Metodologi kajian

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam usaha mengumpul dan mengutip data. Penyelidikan ini menggunakan kaedah pemerhatian, ikut serta dan temubual. Penggunaan kaedah ini amat sesuai untuk memperolehi data-data yang berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan. Kajian lapangan telah dijalankan di Kampung Wang Tepus yang bermula pada tahun 2009 sehingga tahun 2019. Penyelidikan ini mengambil masa yang lama kerana memerlukan masa yang panjang untuk melakukan pemerhatian ikut serta iaitu mempelajari persembahan Mek Mulung. Begitu juga, kaedah pemerhatian yang memerlukan kesabaran, antara kalangan mereka bekerja menanam padi. Hal ini bermakna kaedah pemerhatian dan temubual bergantung pada masa lapang dan kesediaan mereka. Kaedah ini dilakukan secara praktikal melalui demonstrasi setiap ucap lakon, pergerakan dan nyanyian yang ditunjukkan sendiri oleh tokoh dan pemain Mek Mulung. Bagi memperolehi maklumat selain menggunakan kaedah pemerhatian, penyelidikan ini menggunakan kaedah temu bual berfokus. Perolehan maklumat secara lisan juga penting dalam usaha mengumpul data kajian. Kaedah temu bual berfokus dilakukan dalam kalangan mereka yang aktif dan pengamal dalam persembahan Mek Mulung. Pemilihan informan berdasarkan kepada mereka telah lama terbabit dalam persembahan Mek Mulung bermula pada zaman kanak-kanak lagi iaitu Saad bin Taib berumur 72 tahun, Salleh bin Embut berumur 62 tahun, Ahmad bin Shahadan 55 tahun dan Kamarusdin bin Debak 64 Tahun.

5.0 Teori Perubahan

Kajian ini telah memilih menggunakan teori perubahan yang dikemukakan oleh William F. Ogburn (1964) mengenai perubahan yang berlaku dalam sesuatu budaya material dan bukan material. Perubahan yang berlaku pada budaya yang menekan kepada perlunya tindakan untuk memastikan budaya itu terus kekal dalam situasi yang berlaku. Oleh itu, teori perubahan ini dipilih kerana kesuaian dengan kajian yang dilakukan ke atas persembahan Mek Mulung yang perlu tindakan perubahan supaya dapat lestari dan kelangsungan dalam dunia hiburan moden kini. Teori perubahan ini diterapkan kepada persembahan Mek Mulung dengan perspektif struktur persembahan itu. Perubahan pada struktur persembahan Mek Mulung telah memberi peluang yang besar, persembahan ini mula memperolehi dan mendapat tempat di bandar-bandar besar dan syarikat-syarikat koprat. Begitu juga, teori perubahan ini telah berjaya membuktikan dengan diaplikasi persembahan Mak Melung telah menjawab dengan persoalan sebelum itu.

6.0 Perbincangan

Perubahan masa dan permintaan yang tinggi dari luar Kawasan persembahan telah memberi kesan yang ketara kepada persembahan Mek Mulung. Perubahan itu telah memerlukan persembahan Mek Mulung untuk terus bersaing dengan persembahan tradisional yang lain. Hasil daripada analisis yang dilakukan ke atas data-data yang dikutip, dikumpul dan disaring itu jelas terdapat beberapa perubahan yang berlaku pada struktur persembahan dalam usaha kelangsungan persembahan Mek Mulung. Penemuan baharu mengenai perubahan yang diperolehi daripada analisis itu akan

dibincangkan untuk menerangkan keperluan itu perlu diterima dan akur supaya persembahan Mek Mulung terus kekal.

Beberapa perubahan dalam struktur persembahan Mek Mulung yang diubah pada masa kini supaya ia terus dinikmati generasi muda dan seterusnya. Perubahan itu dilakukan oleh pengamal persembahan Mek Mulung itu sendiri tetapi bergantung kepada persembahan yang diadakan dan tujuan persembahan itu. Hal ini bermakna bukan semua struktur persembahan Mek Mulung yang akan diubah. Sebaliknya, terdapat beberapa perkara yang boleh diubah mengikut kesesuaian terhadap kepentingan pemuliharaan struktur Mek Mulung ini. Proses perubahan ini dilakukan ke atas bahagian-bahagian tertentu dan dipilihkan sesuai supaya struktur persembahan itu masih mengekal dalam bentuk asalnya. Begitu juga, kemasukan elemen baharu dalam persembahan Mek Mulung tidak akan menjejaskan tradisi persembahan itu. Perubahan pada struktur persembahan Mek Mulung itu boleh dirujuk pada jadual 6.1 di bawah mengenai perubahan dilakukan dalam struktur persembahan Mek Mulung.

Jadual 6.1 : Perubahan yang berlaku dalam persembahan Mek Mulung

Bil	Komponen Struktur	Bahagian Perubahan
	Pra Persembahan	
1.	Buka Panggung	Bacaan mentera
2.	Bertabuh	Tiada perubahan
3.	Bertabik	Lirik lagu
4.	Gerak Timpuh	Tiada perubahan melainkan dipendekkan
5.	Tarian Berjalan	Tiada perubahan melainkan dipendekkan

- | | | |
|----|---------------|-----------------|
| 6. | Lagu Berjalan | Tiada perubahan |
| 7. | Bangkit Raja | Tiada perubahan |

Persembahan

- | | | |
|----|--|---|
| 1. | Puteri Bangkit Raja/
Raja Bangkit Awang | lagu Burung Udang |
| 2. | Tangkap Lakon | Tiada perubahan |
| 3. | Panggil Pengasuh Kedua | Pengurangan lagu atau dipendekkan |
| 4. | Konflik | Lakonan dan lagu Berjalan Menuju
Destinasi |
| 5. | Penyelesaian | Lakonan dan lagu |

Selepas Persembahan

- | | | |
|----|----------------|-----------------------------------|
| 1. | Bayan Guru | Pengurangan lagu atau dipendekkan |
| 2. | Tutup Panggung | Bacaan mentera |

Hasil penemuan itu akan dibincangkan secara satu persatu berdasarkan kepada struktur persembahan Mek Mulung yang bermula daripada peringkat pra persembahan hingga peringkat penutup atau akhir. Penemuan baharu di peringkat pra persembahan ada empat elemen daripada tujuh struktur persembahannya. Persembahan Mek Mulung dahulu berkaitan dengan upacara ritual dan perubatan. Hal ini menyebabkan mereka mengadakan upacara ritual untuk mengimbangi kuasa ghaib atau semangat supaya tidak mengganggu semasa mereka mengadakan persembahan. Begitu juga, persembahan ini digunakan dalam proses perubatan yang

berdasarkan gangguan terhadap pesakit disebabkan semangat jahat dan halus. Bila terdapat permintaan daripada masyarakat luar untuk mengadakan persembahan Mek Mulung, mereka perlu melakukan perubahan struktur iaitu pada upacara ritual buka panggung daripada bacaan mantera kepada bacaan doa sahaja. Begitu juga, persembahan yang berkaitan dengan bentuk komersial, upacara ritual itu tidak diadakan. Bahagian upacara buka panggung itu telah diubahkan mengikut situasi persembahan sehingga bertukar menjadi bersifat hiburan semata-mata.

Perubahan struktur yang berlaku juga pada elemen kedua dalam pra persembahan Mek Mulung. Perubahan struktur yang terdapat pada persembahan Mek Mulung ini diperlukan dengan ada pengubahsuaian itu supaya dapat menerima permintaan daripada merata tempat. Perubahan struktur persembahan Mek Mulung itu berlaku pada lagu bertabik. Bagi pengiat persembahan kesenian ini, lagu bertabik adalah berkaitan dengan semangat kerana lagu ini menyeru semangat atau roh nenek moyong mereka. Bagi mereka, lagu ini hanya boleh dinyanyikan di bangsal keturunan mereka sahaja (Salleh Embut 2009) & (Ahmad Shahadan 2016). Oleh itu, jika ada permintaan dan keperluan mengadakan di luar kawasan bangsal keturunan perlu melakukan perubahan pada bahagian struktur itu tidak perlu ada nyanyian lagu bertabik. Perubahan ini perlu dilakukan untuk memastikan persembahan Mek Mulung boleh diadakan di mana-mana tempat dan kawasan bukan hanya terhad di kawasan sendiri. Begitu juga, Salleh Embut (2009) menyatakan ada bahagian tertentu dalam lirik lagu itu boleh dinyanyikan walau mengadakan persembahan di luar kawasan bangsal keturunan. Perubahan pada struktur lagu bertabik itu untuk membolehkan generasi pengiat muda dapat mengadakan persembahan Mek Mulung. Contohnya bahagian yang diubahsuaikan daripada bahagian akhir iaitu,

*La amboi timbul nok sebutlah di jeman (zaman) la eee yang dulu
la amboi ada dan dululah di ada la eee sekarang
la amboi boleh doh ngeciklah dok bawak la eee bermain
(pertukaran melodi)
eeee...lagi mati raja doh raja bersalin raja
raja wei ooo.. raja bernama tok besar tok raja besar
besar wei ooo...bonda bernama lah sakti bongsu kesakti
sakti wei ooo.. lagi anak bernamalah bulan cahaya bulan
bulan wei ooo...lagi adik bernama lah mara puteri nang Mara
mara weh oo... lagi duduk beradu dah setana anjung setano
stano wei oo..lagi ayah tidak lah tidak bonda pun tidak
tidak wei oo...lagi tidak sekali di inang pengasuh
yaaa*

(Sumber: Ehsan Salleh Embut, 2009)

Begitu juga pada elemen ketiga iaitu berkaitan dengan tarian dalam pra persembahan Mek Mulung. Pada bahagian ini tidak semesti dikuti, sebaliknya boleh dipendekkan berdasarkan keperluan dan permintaan terhadap persembahan Mek Mulung. Perubahan itu tidak akan memberi kesan atau menjejaskan kepada tarian gerak timpuh dan berjalan. Kedua-dua tarian ini boleh dipendekkan kerana ia berkaitan dengan lagu Bertabik. Bahagian kedua-dua tarian ini ditarikan oleh penari semasa pra persembahan dengan mengikut nyanyian lagu bertabik. Hal ini kerana tarian gerak timpuh dan lagu berjalan menggunakan melodi yang sama (Salleh Embut 2009).

Perubahan pada peringkat struktur persembahan tidak begitu ketara seperti pada bahagian pra persembahan Mek Mulung. Pada bahagian struktur persembahan ini boleh diteruskan tanpa meninggalkan elemen-elemen yang terkandung dalam persembahan itu. Dalam persembahan Mek Mulung pada bahagian persembahan ada lima elemen yang perlu diselesaikan supaya tidak menjejaskan perjalanan plot cerita. Oleh itu, perubahan dalam persembahan Mek Mulung boleh dilakukan ke atas lagu-lagu yang dinyanyikan dalam persembahan itu. Perubahan itu dilakukan dengan cara memendekkan lagu-lagu supaya dapat menjimatkan masa dan kos apabila dipersembahkan dalam bentuk komersial. Tujuan memendekkan lagu-lagu itu supaya persembahan Mek Mulung dapat menerima permintaan yang berbentuk komersial dan koprat. Perubahan pada lagu ini tidak menjejaskan lirik lagu dalam persembahan Mek Mulung kerana pada bahagian awal lagu dan penutup lagu masih dikekalkan dalam nyanyian persembahannya (Salleh Embut 2018).

Begitu pada bahagian struktur persembahan Mek Mulung boleh dipendek dan dikurangkan pada struktur persembahan elemen konflik dan penyelesaian. Perubahan pada struktur persembahan dengan mengambil tindakan memendekkan pada bahagian lagu. Hal ini bermakna dalam persembahan itu tiada atau dikurangkan nyanyian dalam babak persembahan itu, penggantian itu boleh dilakukan dengan ungkapan dialog sahaja. Begitu juga menurut Salleh Embut (2009), perubahan dalam struktur persembahan ini boleh dilakukan dengan memendekkan bahagian cerita dalam babak itu dengan mengurangkan pada watak tambahan. Perubahan ini jelas telah memudahkan penerimaan penonton generasi kini untuk memahami plot cerita dan tidak terlalu berat seperti dalam struktur persembahan Mek Mulung tradisional.

Perubahan juga dilakukan pada struktur persembahan di bahagian akhir persembahan Mek Mulung dengan mengubah pada bahagian bayan baharu dan tutup panggung. Perubahan pada bahagian diperlukan untuk memendekkan masa persembahan apabila hendak melakukan persembahan berbentuk komersial. Pada bahagian ini, bayan baharu merupakan struktur persembahan pada bahagian akhir yang panjang dan mengambil masa yang panjang. Pada struktur persembahan ini, nyanyian lagu amat panjang dan mendayu kerana untuk menandakan persembahan itu akan berakhir. Perubahan pada bahagian nyanyian itu boleh dipendekkan dengan melalui penggunaan pantun yang diucapkan oleh pendukung watak utama (Ahmad Shahandan 2017).

Begitu juga yang berlaku pada pacara tutup panggung sama seperti mana upacara buka panggung telah mengalami perubahan. Mereka telah mengubah bacaan mantera kepada bacaan doa dan kata-kata yang baik (Ahmad Shahadan 2017). Perubahan pada struktur ini adalah persembahan yang diadakan bentuk komersial yang tidak memerlukan bacaan mantera untuk mengelakan gangguan atau bencana selepas persembahan. Perubahan pada upacara tutup panggung dengan bacaan doa dan kata-kata baik telah memudahkan penerimaan persembahan Mek Mulung pada zaman moden dan secara tidak langsung telah membawa persembahan boleh dinikmati oleh semua golongan dan masyarakat.

7.0 Kesimpulan

Persembahan Mek Mulung merupakan persembahan tradisional yang berkembang lama di negeri Kedah. Masyarakat Melayu terutamanya dalam kalangan penduduk Kampung Wang Tepus adalah merupakan pewaris persembahan ini. Persembahan Mek Mulung dikaitkan dengan upacara ritual dan perubahan pada perkembangannya. Pada perkembangan awalnya, persembahan Mek Mulung hanya terbatas di Kampung Wang Tepus. Pengamal atau pewaris Mek Mulung akan mengadakan upacara tahunan di bangsal keturunan. Bangsal keturunan merupakan tempat mengadakan upacara ritual dan penyediaan sajian kepada semangat atau roh nenek moyang mengikut kepercayaan mereka. Persembahan Mek Mulung masih mengekalkan persembahan secara tradisional dengan melakukan setiap proses sebelum mengadakan persembahan pada hari ketiga selepas mengadakan upacara buka panggung dan penyediaan sajian. Namun begitu, persembahan Mek Mulung semakin hari semakin suram kerana pengiatnya semakin berusia dan kurang bilangannya. Persembahannya semakin berkurangan dan pengantiannya sukar untuk mencari ganti. Hal ini akan memberi tekanan kepada pengiatnya untuk memastikan kelangsungan tradisi persembahan itu.

Bagi memastikan kelangsungan persembahan Mek Mulung dalam persembahan masyarakat Melayu dan juga identiti Melayu, mereka perlu melakukan perubahan beberapa pada struktur persembahan Mek Mulung. Para pengamal atau pengiatnya juga bersetuju mengenal perkara itu, perlu mengambil tindakan perubahan bagi mengekalkan dan serta terus mendapat permintaan sambutan terhadapnya. Tindakan perubahan diambil dengan melakukan kepada struktur persembahan

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Zamzuriah Zahari, "Persembahan Tradisional Mek Mulung di Malaysia: Perubahan Struktur Persembahan" JMS Vol. 3 Issue 1 (2020):100 - 121

supaya persembahan Mek Mulung ini dapat dipersembahkan mana-mana tempat dan dalam bentuk persembahannya lebih bercorak komersial. Perubahan pada struktur persembahan Mek Mulung seperti pada upacara buka panggung, memendekkan nyanyian, lakonan dan upacara tutup panggung telah memastikan dan mengekalkan persembahan tidak pupus atau hilang begitu sahaja.

Rujukan

Abu Talib Ahmad. (2012). Utara Semenanjung Malaysia: Esei-esei warisan. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia

Aida Nurul Ain Binti Abd Rahman & Mohammad Nazri Bin Ahmad. (2017). Faktor Terapeutik dalam Main Peteri. Kuala Lumpur: *Jurnal Pengajian Melayu*. Vol.28 No. 1

Ghulam Sarwar Yousof. (1993). *Dictionary of Traditional South-East Asian Theatre*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Ghulam Sarwar Yousof. (2006). *The Encyclopedia of Malaysia: Performing Arts*. Kuala Lumpur: Didier Millet

Hood Salleh. (2006). *The Encyclopedia of Malaysia: Peoples and Traditions*. Kuala Lumpur: Didier Millet.

- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Zamzuriah Zahari, "Persembahan Tradisional Mek Mulung di Malaysia: Perubahan Struktur Persembahan" JMS Vol. 3 Issue 1 (2020):100 - 121
- Khairul Hisham, A. (2012). Tari Sebagai Komponen Penting Dalam Persembahan Teater Mek Mulung di Kampung Wang Tepus, Jitra, Kedah. Latihan Ilmiah, Jabatan Tari, Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ku Zam Zam Ku Idris. (1978). Muzik Tradisional Melayu di Kedah Utara: ensembel-ensembel wayang kulit, mek mulung dan gendang keling dengan tumpuan kepada alat-alat, pemuzik-pemuzik dan fungsi. (M.A), Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Matusky. P. & Tan, S.B. (1997). Muzik Malaysia: Tradisi Klasik, Rakyat dan Sinkretik. Pulau Pinang: The Asian Centre.
- Mohd Ghouse, Nasaruddin.(1992). *The Malay Traditional Music*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Ghazali Abdullah. (1995). Teater Tradisional Melayu. Buku Satu. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Mohd Taib Osman. (1989). Masyarakat Melayu: struktur, organisasi dan manifestasi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Saiful Haq Hussein, Noorhanisah Abdul Aziz & Puteri Roslina Abdul Wahid. (2013). Konsepologi dalam Terminologi Makyung. Kuala Lumpur: Jurnal Pengajian Melayu. Vol. 24

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Zamzuriah Zahari, "Persembahan Tradisional Mek Mulung di Malaysia: Perubahan Struktur Persembahan" JMS Vol. 3 Issue 1 (2020):100 - 121

Ogburn, F. Willian. (1964). *On Culture and Social Change*. Chicago: The University of Chicago Press

Rahmah Haji Bujang. (2007). Fungsi Komunikasi dan Estetika dalam Persembahan Teater Tradisional Wayang Kulit. Kuala Lumpur: Jurnal Pengajian Melayu. Vol. 18 No.1 2007

Rais Yatim. (2015). *Adat: The Legacy of Minangkabau*. Kuala Lumpur: Yayasan Warisan Negara

Toh Lai Chee. (2004). Muzik dalam Mek Mulung: Perkaitannya dengan Perwatakan, Gerak - Geri dan Kegiatan. Tidak diterbitkan Sarjana Sastera. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Salleh Mohd. Akib. (2009). Permainan Tradisional Rakyat Kelantan. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

Sheppard, Mubin. (1983). *Taman Saujana, Dance, Drama, Music and Magic*. Selangor. International Book Service.

Siti Zainol Ismail. (2009). *Pakaian Cara Melayu*. Bangi: Penerbit UKM

Zainal Abidin Borhan. (1996). *Adat Istiadat Melayu Melaka*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia

Temu bual

1. Nama: Salleh Embut, 65 tahun, Ketua kumpulan.
2. Nama: Ahmad Shahandan, 55 tahun, Pemain alat muzik dan pengajar alat muzik Mek Mulung.